

PETRONAS Gas Berhad (“PGB” or the “Company”) recognises that corporate governance is a continuous process that requires periodic reassessment and refinement of management practices and systems.

Its Board of Directors, thus, is committed to direct and manage the Company towards enhancing business prosperity and corporate accountability with the objective of realising shareholder value, whilst taking into account the interests of other stakeholders.

In preparing this report, the Board has considered the manner in which it has applied the Principles of the Malaysian Code on Corporate Governance (the Code) and the extent to which it has complied with the Best Practices of the Code. During the year, the Board has taken the following steps to its best endeavour to comply to the best practices as suggested by the Code:

- Appointment of an additional independent director within the definition of the Kuala Lumpur Stock Exchange Listing Requirements (“Listing Requirements”) to ensure that at least one third of the Board of Directors are independent directors (6 March 2002).
- Decided that the Board as a whole will serve as the Remuneration and Nomination Committee. No smaller committee is recommended as the Company believes that all members must be equally responsible (6 March 2002).
- A consolidated risk management framework has been initiated, to be completed and implemented across the various divisions in the Company (18 February 2002)

The Board and Board Committees

PGB is led and managed by an experienced Board comprising members with a wide range of business, financial, technical and public service background. The directors also have experience in other related and unrelated industries. The wide spectrum of skills and experience gives added strength to the leadership, thus enabling the Company to rest firmly in the charge of an accountable and competent Board of Directors.

All directors have equal representations and responsibilities to the Company. The directors are equally accountable under the law for the proper handling of the Company’s affairs. Particular attention is given to ensure that the strategies proposed by the Management of the Company are fully discussed and critically examined by the directors.

Board Composition

As at the date of this report, the PGB Board comprises the following:

Executive Director	1/8	(12.5%)
(also the Managing Director/ Chief Executive Officer)		
Independent non-executive directors	3/8	(37.5%)
Non-independent non-executive directors (including the Chairman)	4/8	(50.0%)

The profile of each director is presented in this Annual Report on pages 20 to 27.

The Board is of the opinion that its current composition and size constitutes an effective Board to the Company. The Company practises a clear demarcation of responsibilities while maintaining balance of power and authority. The positions of the Chairman and the Managing Director are separately held by two persons. The Chairman is primarily responsible for the orderly conduct and working of the Board. The Managing Director is responsible for the day to day running of the business, implementation of Board policies and operational decision-making. The position description of the Managing Director who is also the Chief Executive Officer of the Company includes definition of the limits to management's responsibilities. The Managing Director/Chief Executive Officer is assisted in the management of the business by the Management Committee, which he consults regularly.

The non-executive directors have the necessary calibre to ensure that the strategies proposed by the Management are fully deliberated and examined, taking into account the long-term interests of the stakeholders. They contribute to the formulation of policy and decision-making through their expertise and experience. They also provide guidance, promote professionalism and appraise the competency of Management and employees.

The presence of the independent non-executive directors is essential as it provides unbiased and independent views, advice and judgement as well as safeguarding the interests of other parties such as minority shareholders and the community. The concept of independence adopted by the Board is in accordance with the definition of an independent director in Paragraph 1.01 of the Listing Requirements. During the year, the Company has appointed another independent director resulting in their representation to 3/8th of the Board. In doing so, the Board complies with Paragraph 15.02 of the Listing Requirements which requires that at least two Directors or one-third of the Board of the Company, whichever is higher, are independent directors.

It is the practice of the Company that each new director is given a comprehensive understanding of the operations of the Company through briefings of the Company's history and financial control systems; and plant visits to ensure first hand understanding of plant operations.

The Articles of Association of the Company further provides that at least one third of all directors, are subject to retirement by rotation at each Annual General Meeting but shall be eligible for re-election, in line with the Listing Requirements.

The strength of the Board is further enhanced by the nomination of Dato' Sadasivan s/o N. N. Pillay as the Senior Independent Director for the shareholders and public to convey their concerns and queries.

Providing Information to the Board

Board meetings are held at quarterly intervals with additional meetings held whenever necessary. The Board met six (6) times during the year under review. All directors attended more than 50% of Board meetings.



A shareholder posing a question to the Board of Directors during last year's Annual General Meeting.

Seorang pemegang saham sedang mengemukakan soalan kepada Lembaga Pengarah semasa Mesyuarat Agung Tahunan tahun lepas.

Meeting attendance record of the members is as follows:

Table 1 : Attendance Record	
Name of Directors	Attendance
Tan Sri Dato' Mohd Hassan bin Marican	4/6
Abd. Hamid bin Ibrahim	6/6
Dato' Mohamad Idris bin Mansor	5/6
Dato' Hamzah bin Bakar (resigned on 1.4.2002)	6/6
Dato' Sadasivan s/o N. N. Pillay	5/6
Chew Kong Seng	6/6
Muri bin Muhammad	5/6
Mohammed Azhar bin Osman Khairuddin	4/6
Datuk Mohd Zain bin Abdul Majid (appointed on 6.3.2002)	N/A

The Board has also delegated certain responsibilities to the Board Audit Committee, which operates within clearly defined terms of reference. The Chairman of this Committee reports the outcome of Committee meetings to the Board and such reports are incorporated as part of the minutes of the Board meetings.

The Board may, whenever required, as provided by the Articles of Association, set up Board committees delegated with specific powers and responsibilities. During the year, the Board had set up sub committees which looked into certain issues and reported to the Board with their recommendations.

Prior to Board meetings, every director is given an agenda and a set of Board papers covering the agenda items to facilitate informed decision making. The Managing Director/Chief Executive Officer will lead the presentation of board papers and provide comprehensive explanation of pertinent issues.

Information provided go beyond quantitative performance data to include other qualitative performances. In arriving at any decision on recommendations by the Management, thorough deliberation and discussion by the Board is a prerequisite. All proceedings of Board meetings are minuted and signed by the Chairman of the meeting in accordance with the provision of Section 156 of the Companies Act, 1965.

The Board is kept updated on the Company's activities and operations on a regular basis. All directors have the same right of access to information including monthly reports on Company activities, both financial and operational via the Company's intranet or in hard copies.

Furtherance to their duties as directors, whenever independent professional advice is required, outside experts may and have been engaged at the Company's expense.

The Board understands that service of Company Secretaries is pertinent in ensuring strong and positive support for the overall effective functioning of the Board and goes beyond routine filing and other administrative requirements of the Companies Act, 1965. As such all appointments and resignations of the Company Secretaries must be approved by the Board. All directors have access to the advice and services of the Company Secretaries.

The Board is fully aware and acts on its specifically reserved matters for decision to ensure that the direction and control of the Company is firmly in its hands. Such matters, outlined in the Company's Limits of Authority, clearly establish the authorities of the Management and the Board.

For each financial year, the Board will, in advance, approve the Company's Plans and Budget including cash flow forecast for the year and outlined projections for the four (4) subsequent years, preparation of which is one of the key responsibilities of the Managing Director/Chief Executive Officer. These plans and budgets are prepared by the respective operating and support service units and

reviewed by the Company's Management Committee before seeking the Board's approval. Both the Management and the Board receive and review the budget results on a periodic basis. In-depth explanation and presentation of the results and variances against the budget are made to the Board on quarterly basis by the Managing Director/Chief Executive Officer.

Directors' Nomination and Remuneration

In cognizance of the recommendations of the Code, the Board has decided that the Board as a whole will serve as the Remuneration and Nomination Committee. No smaller committee is recommended as the Company believes that all members must be equally responsible for the duties of such a committee, stated as follows:

- to assess and recommend new directors to the Board,
- to review annually the mix of skills and experience, and other qualities to enable the Board to function completely and efficiently,

- to implement formal appraisal process for the evaluation of the effectiveness of the Board as a whole, the committees and the individual contributions of each Board member.
- to recommend to the Board the remuneration of all non-executive directors. Individual directors do not participate in the discussion on their own remuneration.

The Board will deliberate on the above during the normal proceedings of the meeting of directors.

With the exception of the Managing Director/Chief Executive Officer, all non executive directors are paid directors' fees as approved by the shareholders at the Annual General Meeting, based on the recommendation of the Board. For the year of review, the breakdown of fees received by each directors is as per Table 2 below.

Table 2 : Details of Directors Fees

Name of Directors	Directors' fees RM	BAC fees RM	Total RM
Tan Sri Dato' Mohd Hassan bin Marican	60,000	-	60,000
Dato' Mohamad Idris bin Mansor	36,000	-	36,000
Dato' Hamzah bin Bakar (resigned on 1.4.2002)	36,000	-	36,000
Dato' Sadasivan s/o N. N. Pillay	36,000	12,000	48,000
Chew Kong Seng	36,000	8,400	44,400
Muri bin Muhammad	36,000	-	36,000
Mohammed Azhar bin Osman Khairuddin	36,000	8,400	44,400
Datuk Mohd Zain bin Abdul Majid (appointed on 6.3.2002)	3,000	700	3,700
Total	279,000	29,500	308,500

The Managing Director/Chief Executive Officer, an employee of PETRONAS, is seconded to the Company to undertake all responsibilities of an executive director who is also the Managing Director. Such arrangement provides higher insights of the holding company's operations with greater accountability on the Company's performance, both financial and operational. In consideration for the above service, the Company is required to pay fees to cover all payroll related costs and benefits ordinarily incurred by him in the course of his employment. During the year, the Company paid RM736,800 for this service.

The Company also reimburses reasonable expenses incurred by directors where relevant, in the course of carrying out their duties as directors.

Relations with Shareholders

The Company recognises the importance of timely and equal dissemination of information to shareholders and stakeholders. In this regard, it strictly adheres to the disclosure requirements of the Kuala Lumpur Stock Exchange (KLSE).

The Annual General Meeting (AGM) is a crucial mechanism in shareholder communication. Shareholders are notified of the meeting and provided with a copy of the Company's Annual Report 21 days before the meeting. At each AGM, the Board presents the progress and performance of the Company and provides shareholders with an opportunity to ask for more information, without limiting the time and type of questions asked, prior to seeking approval by show of hands from members and proxies on the audited accounts.

During the meeting, the Chairman and Board members respond to all queries and undertake to provide sufficient clarification on issues and concerns raised by the shareholders. The external auditors are also present to provide their professional and independent clarification on issues and concerns raised by the shareholders. Status of all resolutions proposed at the AGM are submitted to the KLSE at the end of the meeting day.

Summary of the discussions at the AGM is kept by management for future reference.

The Board has ensured that each item of special business included in the notice of the annual or extraordinary general meeting is accompanied by a full explanation of the effects of a proposed resolution.

In providing shareholders with the opportunity to gain first-hand exposure on the Company's operations, visitation programs to its gas processing plants and its centralised utility facilities were organised.

A presentation on the Company's operations and direct dialogue between management and shareholders were made available in each visitation program. Management believes that shareholders, by having a better understanding of the Company's activities, will enhance their sense of belonging to the Company. Such two way communication increases corporate transparency of activities and helps to create a more stable shareholder base as shareholders are more willing to maintain their shareholding and take a longer term view of their investment as they have a better understanding of the corporate strategies.

Institutional investors and analysts are also welcomed and have equal opportunity to meet our management about performance, corporate governance and other matters affecting shareholders interest.

In all circumstances, the Company is cautious not to provide undisclosed material information about the Company and continually stresses on the importance of timely and equal dissemination of information to the shareholders and other stakeholders.

Accountability and Audit

1. Financial Reporting

The Board aims to present a balanced and understandable assessment of the Company's position and prospects. This also applies to other price-sensitive public reports and reports to regulators. The directors responsibility statement is enclosed in page 54 of the Annual Report.

2. Internal Control

The Board continues to maintain a sound system of internal control to safeguard shareholders investment and the Company's assets. The principle is further elaborated under the Internal Control Statement by the Directors in pages 56 to 59 of the Annual Report.

3. Relationship with the Auditors

The external auditors, Messrs. KPMG Desa Megat & Co., have continued to report to members of the Company on their opinion which are included as part of the Company's financial reports with respect to their audit on each year's statutory financial statements. In so doing, the Company has established a transparent arrangement with the auditors to meet the auditors professional requirements. From time to time, the auditors highlight to the Board Audit Committee and Board of Directors on matters that require the Board's attention. The report by the Board Audit Committee on the review of audit reports is enclosed in pages 46 of the Annual Report.

This statement is made in accordance with the resolution of the Board of Directors dated 7 June 2002.

Additional Compliance Information

1. Non-Audit Fees

The amount of non-audit fees paid and payable to the external auditors by the Company for the financial year ended 31 March 2002 was RM84,000 (2001: RM28,000).

2. Sanctions

During the financial year, there were no sanctions and/or penalties imposed on the Company, directors or management by the relevant regulatory bodies.

3. Material Contracts

There were no material contracts entered into or subsisting between the Company and its directors/substantial shareholders during the financial year, other than the Gas Processing and Transmission Agreement entered since 1 April 1994 between the Company and its substantial shareholder, PETRONAS, for the provision of separating natural gas into its components and storing, transporting and distributing such components thereof for a fee.


Tan Sri Dato' Mohd Hassan bin Marican
Chairman


Abd. Hamid bin Ibrahim
Managing Director/Chief Executive Officer

PETRONAS Gas Berhad (“PGB” atau “Syarikat”) mengiktiraf bahawa tadbir urus korporat ialah suatu proses berterusan yang memerlukan penilaian semula dan perbaikan amalan serta sistem pengurusan secara berkala.

Lembaga Pengarah dengan ini bertanggungjawab memberi arah tunjuk dan menguruskan Syarikat ke arah meningkatkan kemakmuran perniagaan dan kebertanggungjawaban korporat dengan matlamat merealisasikan nilai pemegang saham, di samping mengambil kira pemegang kepentingan lain.

Dalam menyediakan laporan ini, Lembaga Pengarah telah mempertimbangkan cara ia telah menggunakan pakai Prinsip Kod Urus Tadbir Korporat Malaysia (Kod) dan setakat mana ia telah mematuhi Amalan Terbaik Kod itu. Sepanjang tahun ini, Lembaga Pengarah telah mengambil langkah-langkah berikut dengan sebaik mungkin bagi mematuhi amalan terbaik seperti yang disyorkan oleh Kod:

- Melantik seorang lagi pengarah bebas mengikut takrif Keperluan Penyenaraian Bursa Saham Kuala Lumpur (“Keperluan Penyenaraian”) bagi memastikan sekurang-kurangnya satu per tiga ahli Lembaga Pengarah adalah pengarah bebas (6 Mac 2002).
- Memutuskan bahawa Lembaga Pengarah secara keseluruhannya akan berfungsi sebagai Jawatankuasa Ganjaran dan Pelantikan. Penubuhan Jawatankuasa yang lebih kecil tidak digalakkan kerana Syarikat percaya bahawa semua ahli mesti sama-sama bertanggungjawab (6 Mac 2002).
- Kerangka pengurusan risiko tergabung telah diperkenalkan dan akan disiap serta dilaksanakan ke seluruh bahagian di dalam Syarikat (18 Februari 2002).

Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah

PGB diterajui dan diurus oleh Lembaga Pengarah yang terdiri daripada ahli yang berpengalaman

dengan pelbagai latar belakang dalam perniagaan, kewangan, teknikal dan perkhidmatan awam. Pengarah-pengarahnnya juga mempunyai pengalaman dalam lain-lain industri yang berkaitan dan yang tidak berkaitan. Kemahiran dan pengalaman yang luas ini, memberi kekuatan tambahan kepada kepemimpinan Syarikat, seterusnya membolehkan Syarikat berada dalam keadaan yang mantap di bawah Lembaga Pengarah yang bertanggungjawab dan cekap.

Semua pengarah mempunyai peranan dan tanggungjawab yang setara terhadap Syarikat. Pengarah sama-sama bertanggungjawab di bawah undang-undang untuk mengendalikan urusan Syarikat dengan betul. Perhatian khusus diberi bagi memastikan strategi yang dicadangkan oleh Pengurusan Syarikat dibincangkan sepenuhnya dan dikaji dengan teliti oleh para pengarah.

Komposisi Lembaga Pengarah

Pada tarikh laporan ini dibuat, Lembaga Pengarah PGB adalah seperti berikut:

Pengarah Eksekutif (juga Pengarah Urusan/ Ketua Pegawai Eksekutif)	1/8	(12.5%)
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	3/8	(37.5%)
Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif	4/8	(50.0%)

Profil setiap pengarah dilampirkan dalam Laporan Tahunan ini di halaman 20 hingga 27.

Lembaga Pengarah berpendapat bahawa komposisi dan saiznya kini menjadikannya sebuah Lembaga Pengarah yang berkesan bagi Syarikat. Syarikat mengamalkan pembatasan tanggungjawab yang jelas di samping mengekalkan imbalan kuasa dan kewibawaannya. Jawatan Pengerusi dan Pengarah Urusan dijawat oleh dua orang yang berlainan.

Pengerusi bertanggungjawab khusus terhadap ketertiban perilaku dan fungsi Lembaga Pengarah. Pengarah Urusan bertanggungjawab terhadap pengurusan perniagaan, pelaksanaan dasar Lembaga Pengarah dan membuat keputusan mengenai pengendalian Syarikat. Bidang tugas Pengarah Urusan yang juga Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat mencakupi penentuan batas tanggungjawab pihak pengurusan. Pengarah Urusan / Ketua Pegawai Eksekutif selalu merujuk kepada Jawatankuasa Pengurusan yang membantunya dalam pengurusan perniagaan.

Pengarah bukan eksekutif mempunyai kaliber yang diperlukan bagi memastikan strategi yang dicadangkan oleh Pengurusan dipertimbangkan dan dikaji dengan teliti dengan mengambil kira kepentingan jangka panjang pihak yang berkepentingan. Mereka menyumbang terhadap pembentukan dasar dan membuat keputusan melalui kepakaran dan pengalaman mereka. Mereka juga memberikan bimbingan, meningkatkan tahap profesionalisme dan menilai kecekapan pihak pengurusan dan pekerja.

Kewujudan pengarah bebas bukan eksekutif adalah penting kerana mereka memberikan pandangan yang tidak memihak dan bebas, nasihat dan pertimbangan serta menjaga kepentingan lain-lain pihak seperti pemegang saham minoriti dan masyarakat. Konsep bebas yang diterima pakai oleh Lembaga Pengarah adalah mengikut definisi pengarah bebas dalam Perenggan 1.01 Keperluan Penyenaraian. Dalam tahun tersebut, Syarikat telah melantik seorang lagi pengarah bebas dan ini menjadikan perwakilan mereka 3/8 daripada keseluruhan ahli Lembaga Pengarah. Dengan berbuat demikian, Lembaga Pengarah mematuhi Perenggan 15.02 Keperluan Penyenaraian yang mensyaratkan sekurang-kurangnya dua Pengarah atau satu per tiga daripada ahli Lembaga Pengarah Syarikat, yang mana satu yang lebih banyak, adalah pengarah bebas.

Adalah menjadi amalan Syarikat memberikan kefahaman menyeluruh mengenai operasi Syarikat kepada setiap pengarah baru melalui taklimat tentang sejarah Syarikat dan sistem kawalan kewangan; serta lawatan ke loji bagi memastikan mereka benar-benar memahami operasi loji.

Tataurus Pertubuhan Syarikat seterusnya menyatakan bahawa sekurang-kurangnya satu per tiga daripada kesemua pengarah adalah tertakluk kepada persaraan mengikut giliran di setiap Mesyuarat Agung Tahunan, tetapi layak dipilih semula selaras dengan Keperluan Penyenaraian.

Kekuatan Lembaga Pengarah diperkuuhkan lagi dengan perlantikan Dato' Sadasivan a/l N. N. Pillay sebagai Pengarah Bebas Kanan bagi membolehkan pemegang saham dan orang awam mengemukakan kebimbangan dan pertanyaan.

Memberikan Maklumat kepada Lembaga Pengarah

Mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan setiap suku tahun dan mesyuarat tambahan diadakan apabila perlu. Lembaga Pengarah bertemu enam (6) kali dalam tahun yang dikaji. Semua pengarah menghadiri lebih daripada 50% mesyuarat Lembaga Pengarah.

Rekod kehadiran ahli dalam mesyuarat adalah seperti berikut:

Jadual 1:Rekod Kehadiran	
Nama Pengarah	Kehadiran
Tan Sri Dato' Mohd Hassan bin Marican	4/6
Abd. Hamid bin Ibrahim	6/6
Dato' Mohamad Idris bin Mansor	5/6
Dato' Hamzah bin Bakar (meletak jawatan pada 1.4.2002)	6/6
Dato' Sadasivan a/l N. N. Pillay	5/6
Chew Kong Seng	6/6
Muri bin Muhammad	5/6
Mohammed Azhar bin Osman Khairuddin	4/6
Datuk Mohd Zain bin Abdul Majid (dilantik pada 6.3.2002)	Tidak Berkenaan

Lembaga Pengarah telah mengamanahkan tanggungjawab tertentu kepada Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah, yang berfungsi dalam lingkungan bidang tugas yang ditentukan secara jelas. Pengerusi Jawatankuasa ini melaporkan hasil mesyuarat Jawatankuasa kepada Lembaga Pengarah dan laporan-laporan itu diambil kira sebagai sebahagian daripada minit mesyuarat Lembaga Pengarah.

Lembaga Pengarah boleh, apabila perlu, seperti yang diperuntukkan oleh Tataurusan Pertubuhan Syarikat, menubuhkan jawatankuasa Lembaga Pengarah yang diberikan kuasa dan tanggungjawab yang khusus. Dalam tahun tersebut, Lembaga Pengarah telah menubuhkan Jawatankuasa Kecil yang mengkaji isu-isu tertentu dan melaporkannya kepada Lembaga Pengarah berserta cadangan-cadangan mereka.

Sebelum mesyuarat Lembaga Pengarah, setiap pengarah diberikan agenda dan satu set kertas Lembaga Pengarah yang meliputi butiran agenda untuk memudahkan mereka membuat keputusan berdasarkan maklumat yang diberikan. Pengarah Urusan / Ketua Pegawai Eksekutif akan memulakan penyampaian kertas lembaga dan memberikan penerangan menyeluruh mengenai isu-isu berkaitan. Maklumat yang diberikan menjangkau data prestasi kuantitatif dengan memasukkan prestasi kualitatif yang lain. Untuk mencapai sebarang keputusan terhadap cadangan yang dibuat oleh pihak Pengurusan, adalah menjadi prasyarat bagi Lembaga Pengarah memastikan pertimbangan dan perbincangan yang teliti diadakan. Semua prosiding mesyuarat Lembaga Pengarah diminitkan dan ditandatangani oleh Pengerusi mesyuarat mengikut peruntukan Seksyen 156 Akta Syarikat, 1965.

Lembaga Pengarah diberikan secara tetap maklumat terkini tentang kegiatan dan operasi Syarikat. Semua pengarah mempunyai hak yang sama terhadap maklumat, termasuk laporan bulanan tentang kegiatan Syarikat, baik laporan kewangan maupun pengendaliannya melalui intranet Syarikat atau melalui bahan bercetak.

Ekoran daripada tugas mereka sebagai pengarah, jika nasihat profesional yang bebas diperlukan, khidmat pakar luar boleh dan pernah diambil atas perbelanjaan Syarikat.

Lembaga Pengarah memahami bahawa khidmat Setiausaha Syarikat adalah penting untuk memastikan adanya sokongan yang kukuh serta positif supaya Lembaga Pengarah dapat berfungsi secara berkesan dan bukan sekadar melakukan tugas rutin memfailkan dokumen dan pentadbiran lain-lain keperluan di bawah Akta Syarikat, 1965. Oleh yang demikian, semua perlantikan dan perletakan jawatan Setiausaha Syarikat mesti diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Semua pengarah berhak mendapatkan nasihat dan khidmat Setiausaha Syarikat.

Lembaga Pengarah menyedari sepenuhnya dan bertindak terhadap perkara-perkara khusus yang perlu diputuskan bagi memastikan hala tuju dan kuasa terhadap Syarikat berada dalam kawalannya. Perkara-perkara seperti ini yang digariskan dalam Batas Kuasa Syarikat, dengan jelas menetapkan bidang kuasa pihak pengurusan dan Lembaga Pengarah.

Bagi setiap tahun kewangan, Lembaga Pengarah akan, terlebih dahulu, meluluskan Rancangan dan Belanjawan Syarikat, termasuk ramalan aliran tunai untuk tahun itu dan menggariskan unjuran bagi empat (4) tahun berikutnya. Semua dan persediaan ini merupakan salah satu tanggungjawab utama Pengarah Urusan / Ketua Pegawai Eksekutif. Rancangan dan belanjawan ini disediakan oleh unit operasi dan unit khidmat sokongan masing-masing dan dikaji semula oleh Jawatankuasa Pengurusan Syarikat sebelum mendapatkan kelulusan Lembaga Pengarah. Pihak Pengurusan dan Lembaga Pengarah menerima dan mengkaji semula keputusan belanjawan secara berkala. Penerangan dan pembentangan yang mendalam tentang keputusan dan perbezaan belanjawan dimaklumkan kepada Lembaga Pengarah setiap suku tahun oleh Pengarah Urusan / Ketua Pegawai Eksekutif.

Pelantikan dan Ganjaran Pengarah-Pengarah

Atas cadangan Kod, Lembaga Pengarah telah memutuskan bahawa Lembaga Pengarah pada keseluruhannya akan bertindak sebagai Jawatankuasa Ganjaran dan Perlantikan. Jawatankuasa yang lebih kecil tidak digalakkan kerana Syarikat percaya bahawa semua ahli mesti sama-sama bertanggungjawab terhadap tugas-tugas jawatankuasa, yang dinyatakan seperti berikut:

- menilai dan mencadangkan pengarah baru kepada Lembaga Pengarah,
- mengkaji semula secara tahunan gabungan kemahiran dan pengalaman serta lain-lain sifat untuk membolehkan Lembaga Pengarah berfungsi sepenuhnya dan secara berkesan,
- melaksanakan proses penilaian bagi menilai keberkesanannya Lembaga Pengarah secara keseluruhannya, sumbangan setiap ahli jawatankuasa dan Lembaga Pengarah secara individu.
- mencadangkan kepada Lembaga Pengarah ganjaran bagi semua pengarah bukan eksekutif. Setiap pengarah tidak terlibat dalam perbincangan tentang ganjaran mereka sendiri.

Lembaga Pengarah akan mempertimbangkan perkara di atas semasa prosiding biasa mesyuarat pengarah.

Kecuali Pengarah Urusan / Ketua Pegawai Eksekutif, semua pengarah bukan eksekutif dibayar ganjaran pengarah seperti yang diluluskan oleh pemegang saham pada Mesyuarat Agung Tahunan, berdasarkan cadangan Lembaga Pengarah. Bagi tahun yang dikaji, pecahan ganjaran yang diterima oleh setiap pengarah adalah seperti Jadual 2 di bawah.

Pengarah Urusan / Ketua Pegawai Eksekutif, yang merupakan seorang kakitangan PETRONAS, telah dipinjamkan kepada Syarikat untuk menjalankan tanggungjawab seorang pengarah eksekutif serta Pengarah Urusan. Langkah seperti itu memberikan gambaran yang lebih baik terhadap pengendalian syarikat induk dan mewujudkan kebertanggungjawaban yang lebih terhadap prestasi Syarikat, baik dari segi kewangan maupun pengendaliannya. Mengambil kira perkhidmatan di atas, Syarikat dikehendaki membayar ganjaran untuk menampung semua kos berkaitan dengan senarai gaji dan faedah yang biasanya ditanggung oleh Pengarah Urusan / Ketua Pegawai Eksekutif semasa beliau menjalankan tugasnya. Pada tahun ini, Syarikat telah membayar RM736,800 sebagai ganjaran untuk perkhidmatan ini.

Syarikat juga membayar balik perbelanjaan yang berpatutan yang terpaksa ditanggung oleh pengarah apabila berkenaan, semasa menjalankan tugas mereka sebagai pengarah.

Hubungan dengan Pemegang Saham

Syarikat mengiktiraf kepentingan penyebaran maklumat yang sama dan yang tepat pada masanya kepada pemegang saham dan pemegang berkepentingan. Oleh itu, ia mematuhi sepenuhnya keperluan pendedahan Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

Jadual 2: Perincian Ganjaran Pengarah-Pengarah

Nama Pengarah	Ganjaran Pengarah		Jumlah RM
	Ganjaran Pengarah RM	Ganjaran BAC RM	
Tan Sri Dato' Mohd Hassan bin Marican	60,000	-	60,000
Dato' Mohamad Idris bin Mansor	36,000	-	36,000
Dato' Hamzah bin Bakar (meletak jawatan pada 1.4.2002)	36,000	-	36,000
Dato' Sadasivan a/l N. N. Pillay	36,000	12,000	48,000
Chew Kong Seng	36,000	8,400	44,400
Muri bin Muhammad	36,000	-	36,000
Mohammed Azhar bin Osman Khairuddin	36,000	8,400	44,400
Datuk Mohd Zain bin Abdul Majid (dilantik pada 6.3.2002)	3,000	700	3,700
Jumlah	279,000	29,500	308,500

Mesyuarat Agung Tahunan merupakan mekanisme yang penting bagi komunikasi pemegang saham. Pemegang saham diberitahu mengenai mesyuarat dan diberikan senaskhah Laporan Tahunan Syarikat, 21 hari sebelum mesyuarat. Di setiap Mesyuarat Agung Tahunan, Lembaga Pengarah memaklumkan tentang kemajuan dan prestasi Syarikat dan memberikan peluang kepada pemegang saham untuk bertanya bagi mendapatkan lebih banyak maklumat tanpa membataskan waktu dan jenis soalan yang ditanya, sebelum mendapat persetujuan secara mengangkat tangan daripada ahli dan proksi, berkaitan dengan akaun beraudit.

Semasa mesyuarat, Pengerusi dan ahli Lembaga Pengarah akan menjawab semua pertanyaan dan berusaha memberikan penjelasan secukupnya berkaitan isu dan hal-hal yang ditimbulkan oleh pemegang saham. Juruaudit luar juga hadir untuk memberikan penjelasan profesional dan bebas mengenai isu dan hal-hal yang ditimbulkan oleh pemegang saham. Status semua resolusi yang dicadangkan semasa Mesyuarat Agung Tahunan diserahkan kepada BSKL pada penghujung hari mesyuarat diadakan.

Ringkasan perbincangan yang diadakan pada Mesyuarat Agung Tahunan disimpan oleh pihak Pengurusan untuk rujukan masa hadapan.

Lembaga Pengarah telah memastikan bahawa setiap butiran perniagaan khas yang termasuk dalam notis mesyuarat agung tahunan atau mesyuarat agung luar biasa disertai dengan penjelasan yang lengkap berkaitan kesan sesuatu resolusi yang dicadangkan.

Untuk memberikan peluang kepada pemegang saham bagi mendapatkan pendedahan secara terus mengenai operasi Syarikat, program lawatan ke loji pemprosesan gas dan Kemudahan Utiliti Berpusat telah dianjurkan.

Penerangan mengenai operasi Syarikat dan dialog bersemuka antara pihak pengurusan dan pemegang saham diadakan semasa setiap program lawatan. Pihak pengurusan percaya bahawa perasaan kekitaan terhadap Syarikat di kalangan pemegang saham dapat dipertingkatkan apabila mereka lebih memahami

kegiatan Syarikat. Komunikasi dua hala sebegini dapat meningkatkan ketelusan kegiatan korporat dan membantu mewujudkan asas pemegang saham yang lebih stabil kerana mereka akan lebih bersedia mengekalkan pemegangan saham mereka dan melihat pelaburan mereka sebagai pelaburan jangka panjang setelah lebih memahami strategi-strategi korporat Syarikat.

Pelabur dan penganalisis institusi juga dialu-alukan dan mereka juga mempunyai peluang yang sama untuk bertemu dengan pihak pengurusan kami berkaitan prestasi, tadbir urus korporat dan lain-lain perkara yang melibatkan kepentingan pemegang saham.

Dalam semua hal, Syarikat mengambil sikap berhati-hati agar tidak mendedahkan maklumat sulit mengenai Syarikat dan sentiasa menekankan tentang pentingnya penyebaran maklumat yang sama dan tepat pada masanya kepada pemegang saham dan lain-lain pemegang berkepentingan.

Kebertanggungjawaban dan Audit

1. Laporan Kewangan

Lembaga Pengarah berhasrat untuk membentangkan penilaian yang seimbang dan dapat difahami berkaitan kedudukan dan prospek Syarikat. Ia juga bersabit laporan awam berkaitan harga dan laporan kepada pihak berkuasa. Pernyataan tanggungjawab pengarah dilampirkan di halaman 55 Laporan Tahunan.

2. Kawalan Dalaman

Lembaga Pengarah terus mengekalkan sistem kawalan dalaman yang kukuh untuk melindungi pelaburan pemegang saham dan aset Syarikat. Prinsip ini dijelaskan dengan lebih lanjut di bawah Pernyataan Kawalan Dalaman oleh Pengarah di halaman 60 hingga 63 Laporan Tahunan.

3. Hubungan dengan Juruaudit

Juruaudit luar, Tetuan KPMG Desa Megat & Co., telah melaporkan pendapat mereka secara berterusan kepada pemegang saham Syarikat yang dijadikan sebagai sebahagian daripada

laporan kewangan Syarikat berkaitan dengan pengauditan mereka dalam pernyataan kewangan berkanun. Dengan berbuat demikian, Syarikat telah mewujudkan ketelusan urusan dengan juruaudit untuk memenuhi keperluan profesional juruaudit. Dari masa ke semasa, juruaudit akan mengemukakan kepada Jawatankuasa Audit Lembaga dan Lembaga Pengarah perkara-perkara yang perlu diberi perhatian oleh Lembaga Pengarah. Laporan oleh Jawatankuasa Audit Lembaga mengenai kajian semula laporan audit disertakan di halaman 48 Laporan Tahunan.

Pernyataan ini dibuat mengikut resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 7 Jun 2002.

Tan Sri Dato' Mohd Hassan bin Marican
Pengerusi

Abd. Hamid bin Ibrahim
Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif



Chew Kong Seng (middle), one of PGB'S Independent Non-Executive Director engaged in a conversation with the shareholders.

Chew Kong Seng (tengah) salah seorang daripada Pengarah Bebas Bukan Eksekutif PGB sedang berbual dengan pemegang saham.

Maklumat Pematuhan Tambahan

1. Yuran-yuran Bukan Audit

Bayaran yuran-yuran bukan audit dibayar dan boleh dibayar kepada juruaudit luar oleh syarikat untuk tahun kewangan berakhir 31 Mac 2002 adalah sebanyak RM84,000 (2001: RM28,000).

2. Sekatan-sekatan

Dalam tahun kewangan, tiada sekatan dan/atau denda dikenakan ke atas Syarikat, pengarah-pengarah atau pengurusan oleh pihak berkuasa yang berkaitan.

3. Kontrak Matan

Tiada sebarang kontrak matan yang dimeterai atau masih wujud di antara Syarikat dan pengarahnnya/pemegang saham terbesar sepanjang tahun kewangan, selain daripada Perjanjian Pemprosesan dan Penyaluran Gas yang dimeterai sejak 1 April 1994 di antara Syarikat dan pemegang saham terbesarnya, PETRONAS, bagi peruntukan pengasingan gas semulajadi kepada komponen-komponennya, pengumpulan, penghantaran dan pengedaran komponen-komponen tersebut di mana ganjaran akan dikenakan.



The Board Audit Committee (BAC) of PETRONAS Gas Berhad is pleased to present the Audit Committee's Report for the year ended 31 March 2002.

Currently the BAC comprises four (4) directors as follows:-

1. **Dato' Sadasivan s/o N. N. Pillay**
- Chairman
(Board Audit Committee)
(Independent Non-Executive Director)
2. **Chew Kong Seng**
(Independent Non-Executive Director,
3. **Datuk Mohd Zain bin Abdul Majid**
(Independent Non-Executive Director)
(appointed with effect from 6 March 2002)
4. **Mohammed Azhar bin Osman Khairuddin**
(Non-Independent Non-Executive Director)

Meeting attendance record of the members is as follows:

Name of Directors	Attendance
Dato' Sadasivan a/l N. N. Pillay	4/4
Chew Kong Seng	4/4
Mohammed Azhar bin Osman Khairuddin	3/4
Datuk Mohd Zain bin Abdul Majid (appointed on 6.3.2002)	N/A

Officer and the Company Secretary were present at all the meetings. External and internal auditors and the General Manager of Finance Division were also present during deliberations which required their inputs and advice.

The following activities were carried out by the BAC during the financial year ended 31 March 2002:-

1. Reviewed the annual internal audit plan for the year including its scope, basis of assessments and risk ratings of the proposed areas of audit.
2. Reviewed and deliberated on reports of audits conducted by the Group Internal Audit Division of PETRONAS.
3. Reviewed financial statements including quarterly financial announcements to the Kuala Lumpur Stock Exchange and year end financial statements and recommended the same for approval by the Board of Directors, upon being satisfied that, inter alia, the financial reporting and disclosure requirements of the relevant authorities had been complied with. Any significant issues resulting from the audit of the financial statements by the external auditors were also deliberated.

Membership

The BAC was formed by the Board pursuant to its meeting on 14 August 1995. During the financial year, the Board appointed another independent non-executive director, Datuk Mohd Zain bin Haji Abdul Majid, as a member of the BAC.

The BAC is governed by the Terms of Reference as stipulated in pages 50 to 51 of the Annual Report. All the requirements under the Terms of Reference were fully complied with and the BAC did not see any matters in breach of the Listing Requirements of the Kuala Lumpur Stock Exchange that warrant reporting to the Exchange.

Summary of Activities of the Board Audit Committee

During the year, the BAC met four (4) times. By invitation, the Managing Director/Chief Executive

4. Reviewed significant accounting policies that were affected by the introduction of the new Malaysian Accounting Standards.
5. Reviewed the adequacy of the internal control system.
6. Reviewed the appointment of external auditors and their remuneration thereof.
7. Reviewed with the external auditors on audit strategy and scope for the statutory audit of the Company accounts for the financial year ended 31 March 2002.

Internal Audit

The internal audit function of the Company was carried out by the Group Internal Audit Division of PETRONAS, the holding company. They maintained at all times their impartiality, proficiency and due professional care by having their plans and reports directly under the purview of the BAC.

The internal audits were undertaken to provide independent assessments on the adequacy, efficiency and effectiveness of the Company's internal control systems in anticipating potential risks exposures over key business processes within the Company. The BAC also had full access to both internal and external auditors and received reports on all audits performed.

During the year, the internal auditors had carried out audits according to the internal audit plan which had been approved by the BAC. Internal audits were done on:-

- Centralised Utility Facilities Operations and Maintenance Management, looking at the overall management and maintenance activities management, production operations management, and safety and security.
- Procurement cycle specifically on overall procurement management, tender and contracting, purchasing and material management, and Vendor Development Program.



Standing From Left :

Datuk Mohd Zain bin Abdul Majid, Chew Kong Seng,
Dato' Sadasivan s/o N.N. Pillay, Mohammed Azhar bin Osman
Khairuddin

The resulting reports from the audits undertaken were forwarded to the Management for attention and necessary corrective actions as recommended. The Management is responsible for ensuring that corrective actions on reported weaknesses are taken within the required time frame.

Dato' Sadasivan s/o N.N. Pillay
Chairman
Board Audit Committee

Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah (BAC) PETRONAS Gas Berhad dengan sukacitanya memaklumkan Laporan Jawatankuasa Audit bagi tahun yang berakhir pada 31 Mac 2002.

Kini BAC terdiri daripada empat (4) orang pengarah seperti berikut:

1. **Dato' Sadasivan a/l N. N. Pillay**
- Pengerusi
(Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah)
(Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)
2. **Chew Kong Seng**
(Pengarah Bebas Bukan Eksekutif,
ahli Institut Akauntan Malaysia)
3. **Mohammed Azhar bin Osman Khairuddin**
(Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif,
4. **Datuk Mohd Zain bin Haji Abdul Majid**
(Pengarah Bebas Bukan Eksekutif,
dilantik dan berkuat kuasa pada 6 Mac 2002)

Rekod kehadiran mesyuarat ahlinya adalah seperti berikut:

Nama Pengarah	Kehadiran
Dato' Sadasivan a/l N. N. Pillay	4/4
Chew Kong Seng	4/4
Mohammed Azhar bin Osman Khairuddin	3/4
Datuk Mohd Zain bin Abdul Majid (dilantik pada 6.3.2002)	Tidak Berkenaan

Ringkasan Kegiatan Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah

Dalam tahun itu, BAC bertemu empat (4) kali. Atas undangan, Pengarah Urusan dan Setiausaha Syarikat telah menghadiri semua mesyuarat. Juruaudit luar dan dalaman serta Pengurus Besar Bahagian Kewangan juga hadir semasa perbincangan yang memerlukan input dan nasihat mereka.

Kegiatan berikut dijalankan oleh BAC semasa tahun kewangan yang berakhir pada 31 Mac 2002:-

1. Mengkaji semula rancangan audit dalaman tahunan bagi tahun itu, termasuk ruang liputan, asas penilaian dan penarafan risiko bidang audit yang dicadangkan.
2. Mengkaji semula dan membincangkan laporan audit yang dijalankan oleh Bahagian Audit Dalaman Kumpulan PETRONAS.
3. Mengkaji semula pernyataan kewangan termasuk pengumuman kewangan suku tahunan kepada Bursa Saham Kuala Lumpur dan pernyataan kewangan akhir tahun, serta mencadangkan yang sama untuk kelulusan

Keahlian

BAC telah ditubuhkan oleh Lembaga Pengarah semasa mesyuaratnya pada 14 Ogos 1995. Dalam tahun kewangan itu, Lembaga Pengarah telah melantik seorang lagi pengarah bebas bukan eksekutif, Datuk Mohd Zain bin Haji Abdul Majid, sebagai ahli BAC.

BAC dikawal oleh Terma-terma Rujukan seperti yang ditetapkan pada halaman 52 hingga 53 Laporan Tahunan. Semua keperluan di bawah Terma-terma Rujukan dipatuhi dengan sepenuhnya dan BAC tidak mendapati sebarang perkara yang melanggar Keperluan Penyenaraian Bursa Saham Kuala Lumpur yang mewajarkan ia dilaporkan kepada Bursa.

Lembaga Pengarah, setelah berpuas hati bahawa, antara lain, pelaporan kewangan dan keperluan pendedahan pihak berkuasa yang berkaitan telah dipatuhi. Sebarang isu penting yang terhasil daripada audit pernyataan kewangan oleh juruaudit luar juga dibincangkan.

4. Mengkaji semula dasar perakaunan yang penting yang terlibat akibat pengenalan Piawaian Perakaunan Malaysia yang baru.
5. Mengkaji semula cukup tidaknya sistem kawalan dalaman.
6. Mengkaji semula perlantikan juruaudit luar dan ganjaran mereka.
7. Mengkaji semula strategi audit dan ruang liputan dengan juruaudit luar bagi audit berkanun akaun Syarikat bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Mac 2002.

Audit Dalaman

Fungsi audit dalaman Syarikat dilaksanakan oleh Bahagian Audit Dalaman Kumpulan PETRONAS, syarikat induknya. Mereka sentiasa mempertahankan sikap tidak berat sebelah, kemahiran dan perhatian profesional yang wajar dengan mempunyai rancangan dan laporan mereka sentiasa di bawah bidang kuasa BAC.

Audit dalaman dijalankan untuk mengadakan penilaian yang bebas tentang cukup tidaknya, kecekapan dan keberkesanan sistem kawalan dalaman Syarikat dalam menjangkakan pendedahan risiko yang mungkin berlaku terhadap proses perniagaan yang penting di dalam Syarikat. BAC juga boleh menghubungi juruaudit dalaman dan luar dan menerima laporan bagi semua audit yang dijalankan.

Dalam tahun itu, juruaudit dalaman telah menjalankan audit mengikut rancangan audit dalaman yang telah diluluskan oleh BAC. Audit dalaman dijalankan terhadap:-

- Pengendalian Kemudahan Utiliti Berpusat dan Pengurusan Penyelenggaraan, iaitu melihat keseluruhan pengurusan dan kegiatan penyelenggaraan, pengurusan pengendalian produk, serta keselamatan dan kesejahteraan.
- Kitaran perolehan khususnya terhadap keseluruhan pengurusan perolehan, tender dan pemberian kontrak, belian dan pengurusan bahan, serta Program Pembangunan Usahawan.

Laporan audit tersebut telahpun dikemukakan kepada pihak Pengurusan untuk perhatian dan pengambilan tindakan pembetulan yang sewajarnya seperti yang telah dicadangkan. Pihak Pengurusan bertanggungjawab bagi memastikan tindakan pembetulan bagi kelemahan yang dilaporkan diambil dalam jangka masa yang ditentukan.



Dato'Sadasivan a/l N . N . Pillay
Pengerusi
Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah

C *onstitution*

The Audit Committee was formed by the Board pursuant to its meeting on 14 August 1995.

Membership

- The members of the Audit Committee shall be appointed by the Board from amongst their number and shall consist of not less than 3 members of whom a majority shall be Independent Directors. Independent Director shall be one who fulfills the requirement as provided in the KLSE Listing Requirements.
- At least one member of the Audit Committee must be a member of the Malaysian Institute of Accountants or must have at least 3 years working experience and passed the examinations specified in Part I of the 1st Schedule of the Accountants Act 1967; or must have at least 3 years working experience and is a member of one of the associations of accountants specified in Part II of the 1st Schedule of the Accountants Act 1967.
- The members of the Audit Committee shall elect a Chairman from amongst their number who shall be an Independent Director.
- If a member of the Audit Committee resigns, dies or for any other reason ceases to be a member with the result that the number of members is reduced below 3, the Board shall within 3 months of that event, appoint such number of new members as may be required to make up the minimum number of 3 members.
- No alternate director can be appointed as a member of the Audit Committee

Meeting

- A quorum shall be two members, both being independent directors and one of whom shall be the Chairman of the Audit Committee. At least once a year the Audit Committee shall meet with the External Auditors without any Executive Director present. The External Auditor has the right to appear and be heard at any meeting of the Audit Committee and shall appear before the Committee when required to do so by the Audit Committee.
- The Company Secretary shall be the Secretary of the Audit Committee. Minutes of the meetings shall be duly entered in the books provided therefor.
- Meetings shall be held not less than three times a year. The External Auditors may request a meeting if they consider it necessary. The Chairman of the Audit Committee shall convene a meeting of the Committee to consider any matters the External Auditor believes should be brought to the attention of the Directors or Shareholders.

Authority

- The Audit Committee is authorised by the Board to investigate any activity within its Terms of Reference. It is authorised to seek any information it requires from any employee and all employees are directed to cooperate with any request made by the Audit Committee.
- The Audit Committee is authorised by the Board to obtain outside legal or other independent professional advice and to secure the attendance of outsiders with relevant experience and expertise if it considers this necessary.

Duties And Functions

The duties and functions of the Audit Committee shall be :-

- a) To consider the appointment of the External Auditors, the audit fees, and any question of resignation or dismissal of the External Auditors before making recommendation to the Board;
- b) To discuss with the External Auditors before the audit commences the nature and scope of the audit, and ensure coordination where more than one audit firm is involved;
- c) To review with the Management and the External Auditors the quarterly results and year-end financial statements prior to the approval by the Board, focusing particularly on:
 - any change in accounting policies and practices
 - significant and unusual events
 - major judgmental areas
 - significant adjustments resulting from the audit
 - the going concern assumption
 - compliance with accounting standards
 - compliance with stock exchange and legal requirements
- d) To arrange for periodic reports from Management, the External Auditors, and the Internal Auditors to assess the impact of significant regulatory changes, and accounting or reporting developments proposed by accounting and other bodies, or any significant matter that may have a bearing on the annual examination;
- e) To discuss problems and reservations arising from the interim and final audits, and matters the auditors may wish to discuss (in the absence of Management where necessary);
- f) To review the internal audit programme, consider the major findings of internal audits and Management's responses, and ensure coordination between the Internal and External Auditors;
- g) To review any related party transaction and conflict of interest situation that may arise in the Company including any transaction, procedure or course of conduct that raises questions of management integrity;
- h) To keep under review the effectiveness of internal control systems, and the Internal and/or External Auditors' evaluation of these systems and in particular review the External Auditors' Management Letter and Management's responses;
- i) To review the audit reports;
- j) To direct and where appropriate supervise any special project or investigation considered necessary;
- k) To prepare periodic reports to the Board of Directors summarising the work performed in fulfilling the Audit Committee's primary responsibilities; and
- l) To consider other topics, as defined.

Reporting Procedures

The Secretary shall circulate the minutes of meetings of the Audit Committee to all members of the Board.

P erlembagaan

Jawatankuasa Audit telah dibentuk oleh Lembaga Pengarah berikutnya keputusan mesyuaratnya pada 14 Ogos 1995.

Keahlian

- Ahli Jawatankuasa Audit akan dilantik oleh Lembaga Pengarah dari kalangan mereka dan terdiri tidak kurang daripada tiga (3) orang ahli yang secara majoriti ialah Pengarah Bebas. Pengarah Bebas merupakan mereka yang memenuhi kehendak seperti yang dinyatakan dalam Keperluan Penyenaraian BSKL.
- Sekurang-kurangnya seorang ahli Jawatankuasa Audit mestilah ahli Institut Akauntan Malaysia atau mestilah mempunyai sekurang-kurangnya tiga (3) tahun pengalaman kerja dan lulus peperiksaan yang ditetapkan di Bahagian 1 Jadual Pertama Akta Akauntan 1967; atau mestilah mempunyai sekurang-kurangnya tiga (3) tahun pengalaman kerja dan merupakan ahli salah satu persatuan akauntan yang ditetapkan di Bahagian II Jadual Pertama Akta Akauntan 1967.
- Ahli Jawatankuasa Audit hendaklah melantik Pengerusi di kalangan mereka yang merupakan Pengarah Bebas.
- Jika mana-mana ahli Jawatankuasa Audit meletak jawatan, meninggal dunia atau disebabkan oleh apa jua sebab tidak lagi menjadi ahli yang menyebabkan bilangan ahli kurang daripada tiga (3) orang, Lembaga hendaklah dalam tempoh tiga (3) bulan dari kejadian tersebut, melantik ahli baru mengikut bilangan yang sama seperti yang diperlukan untuk menjadikan jumlah minimum ahli ialah tiga (3) orang.
- Tidak ada pengarah selang ganti boleh dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Audit.

Mesyuarat

- Korum dalam sesuatu mesyuarat mestilah terdiri daripada dua ahli, kedua-duanya ialah pengarah bebas dan salah seorang daripadanya ialah Pengerusi Jawatankuasa Audit. Sekurang-kurangnya sekali dalam setahun Jawatankuasa Audit mestilah bertemu dengan Juruaudit Luar tanpa kehadiran mana-mana Pengarah Eksekutif. Juruaudit Luar berhak untuk hadir dan memberi keterangan dalam mana-mana mesyuarat Jawatankuasa Audit dan hendaklah hadir di hadapan Jawatankuasa apabila dikehendaki berbuat demikian oleh Jawatankuasa Audit.
- Setiausaha Syarikat hendaklah Setiausaha Jawatankuasa Audit. Minit mesyuarat hendaklah dicatat sewajarnya di dalam buku yang disediakan untuknya.
- Mesyuarat hendaklah diadakan tidak kurang daripada tiga kali setahun. Juruaudit Luar boleh meminta mesyuarat diadakan jika difikirkan perlu. Pengerusi Jawatankuasa Audit akan mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Audit untuk menimbangkan apa-apa perkara yang difikirkan perlu oleh Juruaudit Luar dibawa ke perhatian Pengarah atau Pemegang Saham.

Kuasa

- Jawatankuasa Audit diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk menyiasat apa-apa aktiviti dalam bidang tugasnya. Jawatankuasa Audit diberi kuasa untuk mendapatkan apa-apa maklumat yang diperlukan dari mana-mana kakitangan dan semua kakitangan diarah untuk memberi kerjasama dengan sebarang permintaan Jawatankuasa Audit.

- Jawatankuasa Audit diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk mendapatkan nasihat undang-undang atau nasihat profesional bebas lain dari luar serta menjamin kehadiran orang luar dengan pengalaman dan kepakaran yang berkaitan jika difikirkan perlu.

Tugas Dan Fungsi

Tugas dan fungsi Jawatankuasa Audit adalah:-

- Untuk mempertimbangkan pelantikan Juruaudit Luar, bayaran audit, dan apa-apa persoalan tentang peletakan jawatan atau penamatan khidmat Juruaudit Luar sebelum membuat syor kepada Lembaga;
- Berbincang dengan Juruaudit Luar sebelum pengauditan bermula mengikut jenis dan skop audit, dan memastikan keselarasan apabila lebih daripada satu firma audit terlibat;
- Untuk menyemak, bersama-sama pihak Pengurusan dan Juruaudit Luar, pernyataan suku tahunan dan pernyataan kewangan akhir tahun sebelum diluluskan oleh Lembaga Pengarah, dengan menumpukan khusus kepada;
 - apa-apa pertukaran polisi dan amalan perakaunan kejadian yang penting dan luar biasa
 - bidang pertimbangan utama
 - andaian kemajuan
 - pematuhan piawai perakaunan
 - pematuhan bursa saham dan kehendak undang-undang
- Untuk menguruskan laporan berkala daripada Pengurusan, Juruaudit Luar dan Juruaudit Dalam untuk menilai kesan perubahan pengawalaturan yang penting, dan perkembangan perakaunan atau laporan yang dicadangkan oleh badan perakaunan dan badan lain, atau apa-apa perkara penting yang berkaitan dengan pemeriksaan tahunan;
- Untuk membincangkan semua masalah dan kesangsian yang timbul daripada pengauditan interim dan akhir, dan perkara yang ingin dibincangkan oleh juruaudit (tanpa kehadiran pihak Pengurusan jika perlu);
- Untuk menyemak program audit dalaman, mempertimbangkan dapatan utama pengauditan dalaman dan maklum balas Pengurusan, dan memastikan keselarasan antara Juruaudit Dalam dengan Juruaudit Luar;
- Untuk menyemak apa-apa urus niaga pihak berkaitan dan keadaan konflik kepentingan yang mungkin timbul di Syarikat termasuk apa-apa urus niaga, prosedur atau pengendalian yang mempersoalkan integriti pengurusan;
- Untuk mengawal keberkesanan sistem kawalan dalaman, dan penilaian Juruaudit Dalam dan/atau Luar terhadap sistem ini dan secara khusus menyemak maklum balas Surat Pengurusan Juruaudit Luar dan Pengurusan;
- Untuk menyemak laporan Juruaudit Dalam;
- Untuk mengarahkan dan jika berkenaan menyelia mana-mana projek atau penyelidikan khas yang difikirkan perlu;
- Untuk menyediakan laporan berkala kepada Lembaga Pengarah secara ringkas tentang kerja yang dilaksanakan untuk memenuhi tanggungjawab utama Jawatankuasa Audit; dan
- Untuk mempertimbangkan topik lain, seperti yang ditentukan.

Prosedur Laporan

Setiausaha akan mengedarkan minit mesyuarat Jawatankuasa Audit kepada semua Ahli Lembaga Pengarah.

*Statement Of Directors' Responsibility
In Relation To The Financial Statements*

The financial statements as set out on pages 117 to 136 of the Company, are properly drawn up so as to give a true and fair view of the state of affairs of the Company as at 31 March 2002 and of the results of its operations and cash flows for the year ended on that date.

The directors consider that in preparing the financial statements,

- the Company has used appropriate accounting policies and are consistently applied;
- reasonable and prudent judgements and estimates were made; and
- all applicable approved accounting standards in Malaysia have been followed.

The directors are also responsible for ensuring that the accounting and other records and registers required by the Companies Act, 1965 to be kept by the Company have been properly kept in accordance with the provisions of the said Act.

The directors also have general responsibilities for taking such steps that are reasonably available to them to safeguard the assets of the Company, and to prevent and detect fraud and other irregularities.

*Pernyataan Tanggungjawab Pengarah
Berkaitan Dengan Pernyataan Kewangan*

Pernyataan kewangan Syarikat seperti yang terdapat di halaman 145 hingga 165, telah disediakan dengan betul untuk memberikan gambaran yang tepat dan saksama mengenai hal-ehwal Syarikat setakat 31 Mac 2002 dan keputusan operasi serta aliran tunai bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Pengarah mempertimbangkan bahawa dalam menyediakan penyata kewangan,

- Syarikat telah menggunakan dasar perakaunan yang wajar dan ia diguna pakai secara tekal;
- pertimbangan dan anggaran yang munasabah dan berhemat telah dibuat; dan
- semua piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia yang boleh diguna pakai telah dipatuhi.

Pengarah juga bertanggungjawab memastikan bahawa rekod perakaunan dan lain-lain rekod serta daftar yang diperlukan oleh Akta Syarikat, 1965 yang harus disimpan oleh Syarikat, telah disimpan dengan baik mengikut peruntukan Akta tersebut.

Pengarah juga mempunyai tanggungjawab umum bagi mengambil langkah seumpama itu, yang boleh mereka lakukan untuk melindungi aset Syarikat, dan mencegah serta mengesan penipuan dan lain-lain perkara di luar aturan.

Introduction
Paragraph 15.27(b) of the Kuala Lumpur Stock Exchange (KLSE) Listing Requirements requires the Board of Directors of public listed companies to include in its annual report a “statement about the state of internal control of the listed issuer”. The Board is committed to maintaining a sound system of internal control in the Company and is pleased to provide the following statement which outlines the nature and scope of internal control of the Company during the year.

Board’s Responsibility

The Board is ultimately responsible for the Company’s system of internal control which includes the establishment of an appropriate control environment and framework as well as reviewing its adequacy and integrity. In view of the limitations that are inherent in any system of internal control, this system is designed to manage, rather than eliminate, the risk of failure to achieve corporate objectives. Accordingly, it can only provide reasonable but not absolute assurance against material misstatement or loss. The system of internal control covers, *inter alia*, risk management and financial, organisational, operational and compliance controls.

Following the publication of the Statement on Internal Control: Guidance for Directors of Public Listed Companies (“the Internal Control Guidance”), the Board confirms that there is an ongoing process in identifying, evaluating and managing significant risks faced by the Company, that has been in place for the year and up to the date of approval of the annual report and financial statements, and that this process is regularly reviewed by the Board and is in accordance with the Internal Control Guidance.

Current Risk Management Framework

Before the KLSE’s Requirement on Statement of Internal Control becomes mandatory, the Company has already identified the principal risks of the business within the various divisions.

Detailed assessment and evaluation of the risks have been carried out. The following are considered in the assessment and evaluation process:

- nature and extent of the risks;
- extent and categories of risks which it regards as acceptable for the Company to bear;
- likelihood of the identified risks materialising;
- Company's ability to reduce the incidence of risks that do materialise and their impact on the business; and
- costs of operating particular controls relative to the benefits thereby obtained in managing the related risks.

Appropriate systems of internal control have been implemented to monitor, manage and control the risks with a view to the long term viability of the Company. The internal control systems have:

- been embedded in the operations of the Company and form part of its culture;
- been capable of responding quickly to evolving risks to the business arising from factors within the Company and to changes in the business environment; and
- incorporated procedures for reporting immediately to appropriate levels of management any significant control failures or weaknesses that are identified together with details of corrective action being undertaken.
- ensured management of principal risks.

In view of the nature of business, safety is a principal risk which has attracted an appreciable portion of management focus. It is managed at all fronts and business stages, for example, design and construction of plants and facilities, operations, maintenance and turnarounds.

Moving Forward

As the Board fully supports the contents of the Internal Control Guidance, the Company will extend the current risk management framework to include other requirements as recommended under the Internal Control Guidance. Capitalising on the experience of the holding company, PETRONAS, the Company together with PETRONAS' Group Internal Audit Division and Corporate Risk Management Unit, undertook to review the existing risk management framework in place within the various operating divisions, with the aim of formalising the risk management function across the Company.

The formalisation of the consolidated risk management framework involved the following initiatives, which were taken during the year:

- In February 2002, the PGB Risk Management Structure was set up led by the Risk Management Steering Committee, comprising of senior management, and shall be the highest committee on risk management in reviewing the risk situations and providing advice to the Board of Directors, including identification of present and potential key risks, their changes, and the management action plans to manage the risks.
- Major risks groups have been identified within the major business divisions and operations of the Company. Workshops were conducted with operational managers/executives by the various team leaders from major risks groups. A database of all risks and controls is being consolidated, and the information filtered to produce a detailed risk register, and individual risk profiles for the major risks groups. Key risks to each business unit's objectives aligned with the Company's strategic objectives, are identified and scored for likelihood of occurrence and magnitude of impact.

The next steps in the consolidated risk management framework are as follows:

- Formalisation of a risk management policy.
- The risk management process will be regularly reviewed by the Board, which includes on its agenda matters relating to significant risks that may impede business objectives.
- Further workshops will be conducted at the working level to complete a consolidated risk profile of the Company, which together with a summary of key findings, will be discussed in the Risk Management Steering Committee before being submitted to the Board for consideration.
- To further embed a formal and structured risk management process within the culture of the Company. Risk management training for selected management and staff will be conducted on a regular basis.
- Submitting quarterly risk management reports to the various major risks team leaders for reporting to the Risk Management Steering Committee.
- Formal quarterly review by the Board on the adequacy and integrity of the system of internal control.

Internal Audit Function

The internal audit function of the Company is carried out by the Group Internal Audit Division of PETRONAS, the holding company. They maintain their impartiality, proficiency and due professional care by having their plans and reports directly under the purview of PGB's Board Audit Committee.

Internal audits are undertaken to provide independent assessments on the adequacy, efficiency and effectiveness of the Company's internal control systems in anticipating potential risks exposures over key business processes and in controlling the proper conduct of business within the Company. The Board Audit Committee also has full access to both internal and external auditors and receive reports on all audits performed.

The internal audit function reviews the internal controls in the key activities of the Company's businesses based on the annual internal audit plan which is presented to the Board Audit Committee for approval. The internal audit function adopts a risk-based approach and prepares its audit strategy and plan based on the risk profiles of the operating divisions of the Company.

The resulting reports from the audits undertaken are reviewed by the Board Audit Committee and then forwarded to the Management for attention and necessary corrective actions as recommended. The Management is responsible for ensuring that corrective actions on reported weaknesses are taken within the required time frame.

Other Risk Control Processes

Apart from risk management and internal audit, the Board has the following control processes in place:

- The full Board meets at least quarterly and has set a schedule of matters, which is required to be brought to it for discussion, thus ensuring that it maintains full and effective supervision over appropriate controls. The Managing Director/Chief Executive Officer will lead the presentation of board papers and provide comprehensive explanation of pertinent issues. In arriving at any decision, on recommendation by the Management, a thorough deliberation and discussion by the Board is a prerequisite. In addition, the Board is kept updated on the Company's activities and operations on a regular basis.
- The Managing Director/Chief Executive Officer also reports to the Board on significant changes in the business and the external environment which result in significant risks. The General Manager of Finance Division provides the Board with quarterly financial information. This includes, amongst others, the monitoring of results against budget, with major variances being followed up and management action taken,

where necessary. Where areas for improvement in the system are identified, the Board considers the recommendations made by the Board Audit Committee and Management Committee.

- A documented delegation of authority with clear lines of accountability and responsibility. It sets out the decisions that need to be taken and the appropriate approving authority at various levels of management including matters that require Board approval.
- An organisational structure, as set out in page 14 of the Annual Report, with formally defined lines of responsibility and delegation of authority. A process of hierarchical reporting has been established which provides for a documented and auditable trail of accountability. It includes the publication of the Employees Handbook which highlights policies on health and safety, training and development, equality of opportunity, staff performance and serious misconduct.
- Financial attestations are also conducted by the Systems and Control Section, a section within the Finance Division, covering high risk finance functions throughout the business divisions in the Company. Reports on the appraisal of control processes implemented by Management are submitted to the General Manager of Finance Division and the Managing Director/Chief Executive Officer.
- As the Plant, Transmission and Technical Facilities Development divisions, and Head Office are also accredited with ISO 9002, internal quality audits are performed throughout these divisions of the Company to ensure conformance to systems and procedures. Such conformance is further ensured by SIRIM's surveillance auditors before extension to the certificates are given.


- The Five Quality Principles which are:
 1. Conformance to Requirements
 2. Prevention
 3. Right Things Right Every Time
 4. Price of Nonconformance
 5. Proactive Leadership At All Levels

have already been inculcated within the Company's Quality Culture, with great emphasis on risk assessment and prevention.

Weaknesses in internal controls that result in material losses

There were no material losses incurred during the current financial year as a result of weaknesses in internal control. Management continues to take measures to strengthen the control environment.

This statement is made in accordance with the resolution of the Board of Directors dated 7 June 2002.



Tan Sri Dato' Mohd Hassan bin Marican
Chairman



Abd. Hamid bin Ibrahim
Managing Director/Chief Executive Officer

Perenggan 15.27(b) Keperluan Penyenaraian Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) menghendaki Lembaga Pengarah syarikat awam yang tersenarai untuk memasukkan di dalam laporan tahunannya “pernyataan tentang kedudukan kawalan dalaman pengeluar yang tersenarai itu”. Lembaga Pengarah adalah komited untuk mengekalkan sistem kawalan dalaman Syarikat yang mantap dan dengan sukacitanya memberikan pernyataan berikut yang menggariskan jenis dan ruang liputan kawalan dalaman Syarikat dalam tahun berkenaan.

Tanggungjawab Lembaga

Lembaga Pengarah pada dasarnya bertanggungjawab terhadap sistem kawalan dalaman Syarikat termasuk mewujudkan persekitaran kawalan dan kerangka yang wajar, di samping mengkaji semula kemampuan serta keutuhan sistem itu. Memandangkan wujudnya batasan dalam mana-mana sistem kawalan dalaman, sistem ini direka bentuk untuk mengurus, dan bukan untuk menghapuskan risiko kegagalan bagi mencapai matlamat korporat. Oleh sebab itu, ia hanya dapat memberikan jaminan yang munasabah dan bukan bersifat mutlak terhadap salah nyata atau kerugian besar. Sistem kawalan dalaman mencakupi, antara lain, pengurusan risiko dan kewangan, pengendalian operasi dan pematuhan.

Berikutnya penerbitan Pernyataan Kawalan Dalaman: Panduan untuk Pengarah Syarikat Awam Tersenarai (“Panduan Kawalan Dalaman”), Lembaga Pengarah mengesahkan proses yang sedang dilaksanakan untuk mengenal pasti, menilai dan mengurus risiko yang ketara yang dihadapi Syarikat, yang telah dijalankan dalam tahun itu sehingga tarikh laporan tahunan dan penyata kewangan diluluskan. Proses ini selalu dikaji semula oleh Lembaga Pengarah sejajar dengan Panduan Kawalan Dalaman.

Kerangka Pengurusan Risiko Terkini

Sebelum Keperluan Pernyataan Kawalan Dalaman BSKL menjadi mandatori, Syarikat telah mengenal pasti risiko utama perniagaan dalam pelbagai bahagian. Taksiran dan penilaian terperinci terhadap risiko berkenaan telah dijalankan. Perkara-perkara berikut dipertimbangkan dalam proses taksiran dan penilaian:

- jenis dan takat risiko;
- takat dan kategori risiko yang dianggap boleh ditanggung oleh Syarikat;
- kemungkinan risiko yang dikenal pasti menjadi kenyataan;
- kemampuan Syarikat untuk mengurangkan kejadian risiko yang menjadi kenyataan dan impaknya terhadap perniagaan; dan
- kos mengendalikan kawalan tertentu yang relatif dengan manfaat yang diperoleh dalam mengurus risiko yang berkaitan itu.

Sistem kawalan dalam yang sesuai telah dilaksanakan untuk memantau, mengurus dan mengawal risiko dengan tujuan memastikan daya maju jangka panjang Syarikat. Sistem kawalan dalam telah:

- diterapkan dalam pengendalian Syarikat dan ia menjadi sebahagian daripada budaya Syarikat;
- dapat memberikan tindak balas secara cepat terhadap risiko yang sedang berlaku dalam perniagaan akibat faktor-faktor dalaman Syarikat dan ia juga perubahan dalam persekitaran perniagaan; dan
- memasukkan tatacara pelaporan dengan segera kepada peringkat pengurusan yang berkaitan mengenai sebarang kegagalan atau kelemahan kawalan yang ketara, yang dikenal pasti bersama butiran tindakan pembetulan yang sedang diambil.
- memastikan pengurusan risiko utama dilaksanakan.

Memandangkan jenis perniagaan ini, keselamatan merupakan risiko utama yang telah diberi perhatian sewajarnya oleh pihak pengurusan. Ia dikendalikan di semua peringkat serta tahap perniagaan, misalnya, ketika mereka bentuk dan membina loji dan kemudahan, operasi dan penyelenggaraan.

Bergerak Ke Hadapan

Berikut sokongan sepenuhnya Lembaga Pengarah terhadap kandungan Panduan Kawalan Dalaman, Syarikat akan menambah kerangka pengurusan risiko yang ada sekarang untuk memasukkan keperluan-keperluan lain yang disyorkan di dalam Panduan Kawalan Dalaman.

Mengambil kesempatan daripada pengalaman syarikat induk, PETRONAS, Syarikat bersama-sama dengan Bahagian Audit Dalaman Kumpulan PETRONAS dan Unit Pengurusan Risiko Korporat, berusaha untuk mengkaji semula kerangka pengurusan risiko sedia ada mengikut kesuaianya di dalam lingkungan pelbagai bahagian operasi, bertujuan memformalkan fungsi pengurusan risiko di seluruh Syarikat.

Pemformalan kerangka pengurusan risiko yang disatukan melibatkan usaha berikut yang dijalankan dalam tahun itu:

- Pada bulan Februari 2002, Struktur Pengurusan Risiko PGB ditubuhkan dan diterajui oleh Jawatankuasa Pemandu Pengurusan Risiko, yang dianggotai oleh pengurusan tertinggi, dan merupakan jawatankuasa tertinggi mengenai pengurusan risiko yang mengkaji semula situasi yang berisiko dan memberikan nasihat kepada Lembaga Pengarah, termasuk pengenalpastian risiko utama yang ada sekarang dan yang mungkin berlaku, perubahannya, dan rancangan tindakan pengurusan untuk menanganinya.
- Kumpulan Risiko Utama telah dikenal pasti dalam bahagian-bahagian penting perniagaan dan operasi Syarikat. Bengkel-bengkel dijalankan oleh ketua pelbagai pasukan daripada kumpulan risiko utama bersama-sama dengan pengurus/eksekutif pengendalian. Suatu pangkalan data bagi semua risiko dan kawalan sedang digabungkan, dan maklumat tersebut disaring untuk menghasilkan daftar risiko yang terperinci serta profil risiko setiap kumpulan risiko utama. Risiko utama bagi setiap matlamat unit perniagaan yang disejajarkan dengan matlamat strategik Syarikat dikenal dan dipastikan dan bagi kemungkinan berlakunya sebarang risiko dan besarnya impak risiko tersebut.

Langkah seterusnya dalam kerangka pengurusan risiko disatukan adalah seperti berikut:

- Pemformalan dasar pengurusan risiko.
- Proses pengurusan risiko akan selalu dikaji semula oleh Lembaga Pengarah, yang akan memasukkan dalam agendanya hal-hal yang berkaitan dengan risiko yang ketara yang mungkin menjelaskan matlamat perniagaan.
- Bengkel-bengkel akan diadakan lagi pada peringkat kerja untuk menyiapkan profil risiko Syarikat yang disatukan. Profil ini akan dibincangkan bersama-sama dengan ringkasan penemuan penting di peringkat Jawatankuasa Pemandu Pengurusan Risiko sebelum diserahkan kepada Lembaga Pengarah untuk dipertimbangkan.
- Untuk menerapkan lagi proses pengurusan risiko yang formal dan berstruktur dalam lingkungan budaya Syarikat. Latihan pengurusan risiko bagi pengurusan dan kakitangan yang terpilih akan sentiasa dijalankan.
- Menyerahkan laporan suku tahunan pengurusan risiko kepada ketua pelbagai pasukan risiko utama untuk dilaporkan kepada Jawatankuasa Pemandu Pengurusan Risiko.
- Kajian semula suku tahunan yang rasmi oleh Lembaga Pengarah mengenai kemampuan serta keutuhan sistem kawalan dalam itu.

Fungsi Audit Dalaman

Fungsi audit dalaman Syarikat dilaksanakan oleh Bahagian Audit Dalaman Kumpulan syarikat induknya, PETRONAS. Mereka mempertahankan kesaksamaan, kemahiran dan perhatian profesional yang wajar dengan meletakkan rancangan dan laporan mereka di bawah kuasa Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah.

Audit dalaman dijalankan untuk menyediakan penilaian yang bebas, terhadap kecekapan dan keberkesanan sistem kawalan dalam Syarikat dalam menjangka potensi pendedahan terhadap risiko melibatkan proses perniagaan yang penting dan usaha

mengawal perilaku perniagaan yang betul di dalam Syarikat. Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah juga boleh menghubungi juruaudit dalaman dan luar dan menerima laporan bagi semua audit yang dijalankan.

Audit dalaman berfungsi mengkaji semula kawalan dalaman berkaitan aktiviti penting perniagaan Syarikat berdasarkan rancangan audit dalaman tahunan yang dibentangkan kepada Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah untuk mendapatkan kelulusan. Fungsi audit dalaman menerima pakai pendekatan berdasarkan risiko dan menyediakan rancangan dan strategi auditnya berdasarkan profil risiko bahagian operasi Syarikat.

Laporan audit tersebut dikaji semula oleh Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah dan selepas itu dikemukakan kepada pihak Pengurusan untuk perhatian dan bagi membolehkan tindakan pembetulan yang sewajarnya seperti yang telah dicadangkan diambil. Pihak Pengurusan bertanggungjawab memastikan tindakan pembetulan bagi kelemahan yang dilaporkan diambil dalam jangka masa yang ditentukan.

Lain-lain Proses Kawalan Risiko

Selain pengurusan risiko dan audit dalaman, Lembaga Pengarah mempunyai proses kawalan yang teratur, seperti berikut:

- Mesyuarat penuh Lembaga Pengarah diadakan sekurang-kurangnya setiap suku tahun dan telah menetapkan jadual perkara yang perlu dibincangkan, dan dengan itu, memastikan ia dapat mengekalkan penyeliaan sepenuhnya dan berkesan terhadap kawalan yang berkenaan. Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif akan mengetuai pembentangan kertas Lembaga Pengarah dan memberikan penjelasan yang menyeluruh terhadap isu-isu berkaitan. Dalam membuat sebarang keputusan terhadap cadangan yang dikemukakan oleh pihak Pengurusan, adalah menjadi prasyarat kepada Lembaga Pengarah untuk mempertimbang dan membincangkannya dengan teliti. Selain itu, Lembaga Pengarah sentiasa dimaklumkan mengenai kegiatan dan operasi Syarikat.

- Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif juga melaporkan kepada Lembaga Pengarah mengenai perubahan penting dalam perniagaan dan persekitaran luar yang mempengaruhi risiko secara ketara. Pengurus Besar Bahagian Kewangan memaklumkan kepada Lembaga Pengarah maklumat kewangan suku tahunan. Ini termasuklah, pemantauan hasil berbanding dengan belanjawan, langkah susulan dibuat terhadap kelainan-kelainan utama dan tindakan pengurusan diambil, di mana perlu. Lembaga Pengarah akan mempertimbangkan cadangan membabitkan bidang di mana sistemnya dikenal pasti boleh diperbaiki yang dibuat oleh Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Pengurusan.
 - Penugasan kuasa didokumenkan dan kebertanggungjawaban digariskan secara jelas. Ia menentukan keputusan yang perlu diambil dan pihak yang berkuasa memberi kelulusan di pelbagai tahap pengurusan termasuk perkara yang memerlukan kelulusan Lembaga Pengarah.
 - Struktur organisasi, seperti yang dinyatakan di halaman 14 Laporan Tahunan, yang dilengkapkan dengan panduan tanggungjawab dan penugasan kuasa secara formal. Proses pelaporan mengikut hierarki telah diwujudkan dan ini memberikan laluan bagi pendokumentasian dan pengauditan yang dilakukan secara bertanggungjawab. Ini termasuk juga penerbitan buku Panduan Pekerja yang menonjolkan dasar-dasar berkaitan kesihatan dan keselamatan, latihan dan pembangunan, kesamarataan peluang, prestasi pekerja dan salah laku yang besar.
 - Pengakusaksian kewangan juga dikendalikan oleh Bahagian Sistem dan Kawalan, suatu bahagian dalam Bahagian Kewangan, yang meliputi fungsi pembiayaan berisiko tinggi di seluruh bahagian perniagaan dalam Syarikat. Laporan penilaian proses kawalan yang dilaksanakan oleh pihak pengurusan diserahkan kepada Pengurus Besar Bahagian Kewangan dan Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif.
 - Berikutnya pengiktirafan ISO 9002 kepada Bahagian Loji, Bahagian Pembangunan Kemudahan Penghantaran & Teknikal serta Ibu Pejabat, audit kualiti dalaman dijalankan di seluruh bahagian-bahagian ini bagi memastikan pematuhan sistem dan tatacara. Pematuhan ini dipastikan seterusnya oleh juruaudit pengawasan SIRIM sebelum pelanjutan sijil diberikan.
 - Lima Prinsip Kualiti, iaitu:
 1. Menepati Keperluan
 2. Pencegahan
 3. Betul dan Tepat Setiap Kali
 4. Kerugian Tidak Menepati Keperluan
 5. Kepimpinan Proaktif Semua Peringkat
- telah ditanam dalam Budaya Kualiti Syarikat dengan penekanan diberikan terhadap penilaian dan pencegahan risiko.

Kelemahan dalam Kawalan Dalaman yang Mengakibatkan Kerugian Matan

Tidak ada sebarang kerugian besar ditanggung dalam tahun kewangan semasa akibat kelemahan dalam kawalan dalaman. Pihak Pengurusan terus mengambil langkah untuk mengukuhkan kawalan terhadap persekitaran.

Pernyataan ini dibuat mengikut resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 7 Jun 2002.



Tan Sri Dato' Mohd Hassan bin Marican
Pengerusi



Abd. Hamid bin Ibrahim
Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif



Dear Shareholders

On behalf of the Board of Directors, I am pleased to present the Annual Report of PETRONAS Gas Berhad for the financial year ended 31 March 2002.

The Company's turnover increased by 10.0% from RM1,772.4 million in the previous year to RM1,949.6 million, mainly due to improved sales from the Centralised Utility Facilities (CUF) as new customers at the Integrated Petrochemical Complexes in Kertih and Gebeng began operations as well as the build up in demand from existing customers. Profit before tax however declined from RM663.9 million to RM586.8 million largely due to higher depreciation charges resulting from the full-year effect of the capitalisation of additional CUF modules and Peninsular Gas Utilisation Loop 2 facilities that were completed during the financial year 2001. For the financial year ended 31 March 2002, the Board of Directors is recommending a final dividend of 10 sen per share and together with the interim dividend of 10 sen per share paid on 7 December 2001, the total dividends for the year will amount to 20 sen less 28% tax per share.

Looking ahead, CUF revenue is expected to increase in tandem with the projected growth in customers' demand while the gas processing and transmission business is poised to earn additional flow rate revenue from the anticipated increase in dry gas demand from the power sector as a result of the continued improvement of the country's economy.

In line with the new Kuala Lumpur Stock Exchange listing requirements, the Company has taken steps to ensure compliance with the principles and best practices of the Malaysian Code of Corporate Governance, including the presentation of the Statement of Internal Control.

The full completion of the Peninsular Gas Utilisation system together with the looping project has enabled the Company to enhance its capability in meeting customers'



Tan Sri Dato' Mohd Hassan bin Marican

Chairman • Pengurus

Para Pemegang Saham

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya dengan sukacitanya mengemukakan Laporan Tahunan PETRONAS Gas Berhad bagi tahun kewangan yang berakhir 31 Mac 2002.

Perolehan Syarikat meningkat sebanyak 10.0% daripada RM1,772.4 juta pada tahun sebelumnya kepada RM1,949.6 juta, terutamanya hasil peningkatan jualan daripada Kemudahan Utiliti Berpusat (CUF) apabila pelanggan pelanggan baru di Kompleks Petrokimia Bersepadu di Kertih dan Gebeng memulakan operasi begitu juga dengan penambahan permintaan daripada pelanggan sedia ada. Keuntungan sebelum cukai bagaimanapun berkurangan daripada RM663.9 juta kepada RM586.8 juta, sebahagian besarnya disebabkan oleh caj susut nilai yang lebih tinggi yang terhasil akibat kesan permodalan modul tambahan CUF yang genap setahun dan kemudahan Menggelung 2 Penggunaan Gas Semenanjung yang siap pada tahun kewangan 2001. Untuk tahun kewangan berakhir 31 Mac 2002, Lembaga Pengarah mencadangkan dividen akhir 10 sen sesaham dan bersama dividen interim 10 sen sesaham yang dibayar pada 7 Disember 2001, jumlah dividen untuk

tahun tersebut akan berjumlah 20 sen ditolak 28% cukai sesaham.

Memandang ke hadapan, perolehan CUF dijangka meningkat sejajar dengan jangkaan pertumbuhan permintaan pelanggan manakala perniagaan pemprosesan dan penyaluran gas bersedia untuk memperolehi tambahan pendapatan kadar aliran akibat meningkatnya permintaan gas kering daripada sektor tenaga hasil berikutnya peningkatan berterusan ekonomi negara.

Selaras dengan keperluan baru Bursa Saham Kuala Lumpur, Syarikat telah mengambil langkah bagi memastikan prinsip itu dan amalan terbaik Kod Urus Tadbir Malaysia dipatuhi, termasuk mengemukakan Pernyataan Kawalan Dalaman.

requirements and effectively serve as the backbone for the nation's industrialisation. The trans-peninsula system is set to receive gas from Indonesia's West Natuna field in August 2002, bringing a third ASEAN nation into the emerging Trans-ASEAN Gas Grid and at the same time enhancing the security and reliability of gas supply to customers.

The Company is actively pursuing cost saving measures with cost efficiency and optimum utilisation of resources as its key objectives. One of the measures being implemented is the consolidation of all procurement activities company-wide.

In the pursuit of organisational excellence, the Company continues to inculcate the Quality Culture based on PETRONAS'5 Quality Principles in every aspect of its operations and business. The Company's achievement in implementing and enforcing safety and quality measures at the workplace is reflected in the Commendation Award received by the Transmission Operations Division from the UK-based Royal Society for the Prevention of Accidents for the second consecutive year and the Gold Award received by the Plant Operations Division from the Malaysian Society of Occupational Safety and Health (MSOSH).

The development of a world-class human resource base remains crucial in ensuring superior performance in the light of the increasing complexity of the Company's operations and business. In line with this, the Company continues to train its employees and equip them with adequate tools and resources to enhance their skills and competency in meeting the challenges ahead.

Penyiapan sepenuhnya sistem Penggunaan Gas Semenanjung bersama dengan projek menggelung akan membolehkan Syarikat meningkatkan keupayaannya dalam memenuhi permintaan pelanggan dan digunakan secara berkesan sebagai tulang belakang kepada pengindustrian negara. Sistem rentas-semenanjung mula menerima gas daripada Medan Natuna Barat, Indonesia pada bulan Ogos 2002, menjadikan negara ASEAN ketiga menyatupadukan Grid Gas Rentas ASEAN dan pada masa

yang sama meningkatkan keselamatan dan kebolehpercayaan bekalan gas kepada pelanggan.

Syarikat aktif meneruskan langkah penjimatan kos dengan memastikan kecekapan kos dan memaksimumkan sumber sebagai objektif utamanya. Satu daripada langkah yang sedang dilaksanakan ialah penggabungan semua kegiatan pemerolehan keseluruhan syarikat.

Dalam keinginan untuk mencapai kecemerlangan organisasi, Syarikat terus menyemai Budaya Kualiti berdasarkan Prinsip 5 Kualiti PETRONAS dalam semua aspek operasi dan perniagaannya. Pencapaian Syarikat dalam melaksanakan dan menguatkusakan langkah-langkah keselamatan dan kualiti di tempat kerja dicerminkan dengan Anugerah Kepujian yang diterima oleh Bahagian Operasi Penyaluran daripada Royal Society for Prevention of Accidents (ROSPA) yang berpangkalan di UK untuk dua tahun berturut-turut dan Anugerah Emas yang diterima oleh Bahagian Operasi Loji daripada Persatuan Keselamatan Kerja dan Kesihatan Malaysia (MSOSH).

Pembangunan asas sumber manusia bertaraf dunia tetap penting dalam memastikan prestasi unggul selaras dengan peningkatan kerumitan operasi dan perniagaan Syarikat. Sejajar dengan itu, Syarikat terus melatih kakitangannya dan melengkapkan mereka dengan alat dan sumber yang mencukupi bagi meningkatkan kemahiran dan kecekapan mereka dalam menangani cabaran yang mendatang.

The Company will continue to strengthen its business and resources to realise its vision to become 'The Leading Gas Processing and Transmission Company of Choice'. The importance of operational and organisational excellence, human resource development and health, safety and environmental best practices will continue to be emphasised in ensuring the Company's sustained growth and success in the future.

On behalf of the Board of Directors, I would like to take this opportunity to thank Dato' Hamzah Bakar who retired after 16 years of dedicated service and welcome Datuk Mohd Zain Abdul Majid as our new Board member. Finally, I would like to express my appreciation to the Malaysian Government and shareholders for their continued support and the Management and staff for their dedication and contribution to the Company.

Syarikat akan terus memantapkan perniagaan dan sumbernya demi merealisasikan wawasannya menjadi 'Syarikat Pemprosesan dan Penyaluran Gas Pilihan Yang Utama'. Kepentingan terhadap amalan terbaik yang mencakupi aspek kecemerlangan operasi dan organisasi, pembangunan sumber manusia serta kesihatan, keselamatan dan alam sekitar terus ditekankan bagi memastikan pertumbuhan dan kejayaan Syarikat pada masa depan dapat dikekalkan.

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Dato' Hamzah Bakar yang telah bersara selepas 16 tahun berkhidmat dengan penuh dedikasi dan mengalu-alukan Datuk Mohd Zain Abdul Majid sebagai ahli Lembaga Pengarah baru kami. Akhirnya, saya ingin menyatakan penghargaan saya kepada Kerajaan Malaysia dan pemegang saham kerana memberikan sokongan yang berterusan dan kepada pihak Pengurusan dan kakitangan kerana dedikasi dan sumbangan mereka kepada Syarikat.

Tan Sri Dato'Mohd Hassan

bin Marican

Chairman

Tan Sri Dato'Mohd Hassan

bin Marican

Pengerusi